

TARIKH	7 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Selempit

Berkat simpan RM10



AZHARIAH... menyimpan sejak belajar



Lambaian Kaabah

>>Oleh **YUSLIZA YAKIMIR ABD TALIB**
yusliza@hmetro.com.my

KELANA JAYA: "Sikit-sikit, lama-lama jadi bukit. Simpanan RM10 setiap bulan yang dipotong daripada pinjaman pelajaran ketika melanjutkan pelajaran hampir 30 tahun lalu, nyata tidak sia-sia kerana hasrat untuk menunai-

kan niat suci ini termakbul juga.

"Malah sejak zaman universiti, saya membuka akaun Tabung Haji kerana semangat membara untuk menjejakkan kaki ke Tanah Suci," kata jemaah haji kumpulan ke-37 (KT37), Azhariah Abd Aziz, 48.

Dia yang juga guru memberitahu, hasrat menunaikan Rukun Islam kelima mula tertanam dalam dirinya sejak berusia 20 tahun.

"Walaupun masih belajar, saya tetap berusaha mengumpul wang sedikit demi sedikit biarpun sedar ia akan mengambil masa bertahun-tahun sebelum dapat menunaikan hasrat itu," katanya ketika ditemui di Kom-

pleks Tabung Haji, di sini, semalam.

Azhariah berkata, paling mengembirakannya apabila dapat menunaikan haji bersama suami, Mohd Yahya Md Nor, 48.

"Perancangan menunaikan haji bersama-sama ini dirancang enam tahun lalu dan saya bersyukur kerana masing-masing mempunyai rezeki dan berpeluang ke sana," katanya.

Pasangan dari Pasir Gudang, Johor itu berkata, walaupun terpaksa meninggalkan anak masih bersekolah di bawah jagaan anak sulung berusia 23 tahun, mereka berharap jiwa mereka sentiasa tenang di sana serta dikurniakan haji mabrur.